

22 MAY 1996

## PERWAJA STEEL MUNGKIN DAPAT DISELAMATKAN MESKIPUN RUGI BESAR

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perwaja Steel Sdn Bhd mungkin masih boleh diselamatkan walaupun menanggung kerugian terkumpul sebanyak RM2.98 bilion, kata sumber-sumber industri hari ini.

Kerugian yang besar ini tidak akan mengurangkan bilangan mereka yang boleh memulihkan syarikat itu, demikian menurut sumber-sumber yang juga menyebut tentang kemungkinan diwujudkan satu rancangan menyelamatkan dengan cara mendapatkan kepakaran asing.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat sebuah kilang keluli di Chiba Prefecture semasa lawatan kerjanya ke Jepun. Menurut sumber-sumber itu, komen Perdana Menteri bahawa kerajaan telah gagal dalam projek keluli tersebut mungkin membayangkan bahawa Perwaja Steel akan diswastakan.

Menswastakan Perwaja Steel merupakan salah satu pilihan yang disebut oleh Price Waterhouse, syarikat yang menyediakan laporan audit kepada kerajaan.

Kandungan laporan audit tersebut telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Parlimen semalam.

Dua lagi pilihan yang disebut dalam laporan itu ialah mengekalkan ekuiti Perwaja dan melantik sekumpulan pakar pemulihan bagi memulihkan syarikat tersebut bagi penyenaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur; dan menubuhkan usaha sama dengan pihak-pihak yang berminat dan mempunyai sumber-sumber kewangan yang kukuh dan kepakaran dalam industri keluli.

Ditanya sama ada lawatannya ke Chiba mempunyai kaitan dengan usaha menyelamatkan Perwaja Steel, Dr Mahathir berkata ia adalah berkaitan dengan keseluruhan industri keluli di Malaysia.

Setakat ini, empat konsortium tempatan yang diketuai oleh Renong Bhd, Maju Group, Lion Group dan Wing Tiek Holdings Bhd telah mengemukakan rancangan masing-masing kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Daripada keempat-empat konsortium itu, Lion Group dan Wing Tiek dirasakan mempunyai banyak pengalaman dalam industri keluli.

Menurut laporan Price Waterhouse, 78 peratus daripada kerugian terkumpul syarikat itu adalah akibat daripada kos-kos pembiayaan dan kerugian tukaran asing. -- BERNAMA

SHY KY SIA